

16 SEP 1997

M'SIA, SRI LANKA METERAI PERJANJIAN TINGKAT HUBUNGAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Sri Lanka hari menandatangani enam dokumen bagi memperkukuhkan lagi hubungan ekonomi selepas satu perbincangan dua hala.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Sri Lanka, Lakshman Kadirgamar menandatangani Perjanjian Pengelakan Cukai Dua Kali dan Pencegahan Mengelak Cukai mengenai Cukai Pendapatan.

Mereka berdua juga menandatangani perjanjian ekonomi, saintifik dan kerjasama teknikal.

Upacara itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Sri Lanka Chandrika Kumaratunga yang sebelumnya mengetuai delegasi masing-masing dalam perbincangan itu.

Kumaratunga tiba di sini semalam untuk lawatan empat hari atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Wakil-wakil dari empat syarikat Malaysia nmenandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk beberapa cadangan projek dengan Lembaga Pelaburan Sri Lanka (BOI), yang diwakili oleh pengerusi dan ketua pengarahnya Thilan Wijesinghe.

Land & General Bhd bercadang memajukan bandar industri di kawasan seluas 760 hektar di Ladang Horana Perth, 40 kilometer dari Colombo.

MoU yang melibatkan Renong Overseas Corporation ialah untuk memajukan zon industri dan taman sains, satu kajian kemungkinan mengenai cadangan Lebuh raya Colombo-Kandy dan sebuah bank komersil di Sri Lanka.

Transmile Group Bhd pula bercadang membuat kajian kemungkinan terperinci membina terminal kargo udara termasuk reka cipta, pembinaan dan pengurusannya di Lapangan Terbang Bandaranaike.

Penggalakan teknologi maklumat (IT) di kedua-dua negara, keupayaan multimedia dan tarikan pelaburan-pelaburan baru dalam kedua-dua bidang itu terkandung dalam MoU yang melibatkan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tinggi Sri Lanka, Wijesinghe berkata dasar dan insentif pelaburan asing negaranya yang baik untuk pelabur Malaysia akan diketengahkan pada keseluruhan lawatan itu.

Satu seminar pelaburan anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama BOI akan diadakan esok sempena dengan lawatan presiden itu.

Wijesinghe berkata dengan termeterainya perjanjian dengan BOI itu bermakna insentif cukai seperti pengecualian cukai atau kadar cukai keutamaan dan kawalan pertukaran asing, sah dalam tempoh hayat syarikat berkenaan.

Katanya Sri Lanka mempunyai antara kadar buruh terendah di rantau Asia Pasifik dan pekerja-pekerja terdidik yang diperlukan oleh pelabur Malaysia.

Beliau berkata Sri Lanka memerlukan pelaburan dalam projek-projek prasarananya seperti jalan dan lebuh raya, taman industri dan perbandaran, hartanah serta kemudahan pelancongan seperti pusat-pusat peranginan dan hotel bertaraf antarabangsa.

Sektor-sektor lain yang dikenal pasti sebagai menarik kepada pelabur Malaysia ialah seramik, elektronik dan barangan elektrik, kejuruteraan ringan dan produk berasaskan getah. -- BERNAMA

MAM WAT/sia